

# Pindah gerai atas tanah rizab JPS, JKR

**Sabak Bernam:** Keputusan memindahkan gerai penjaja sepanjang Jalan Klang-Teluk Intan di sini, dibuat kerana dibina atas tanah rizab parit dan jalan milik Jabatan Pengairan Saliran (JPS) serta Jabatan Kerja Raya (JKR).

Setiausaha Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB), Awaluddin Zakaria, berkata penjaja tidak dibenarkan membina sebarang struktur bangunan di kanan dan kiri jalan persekutuan kerana ia adalah kesalahan mengikut Kanun Tanah Negara.

Katanya, pihaknya juga bimbang binaan gerai itu mengundang risiko kemalangan kepada pengguna jalan raya.

"Pada masa sama, JPS memaklumkan menerima peruntukan penyenggaraan parit di kanan dan kiri laluan terbabit bagi mengelakkan banjir kilat.

"Selain itu, JKR turut mengesahkan projek menaik taraf jalan persekutuan dijangka siap pada 2017. Sehubungan itu, peniaga terpaksa dipindahkan bagi memberi laluan bagi projek pembangunan di jalan terbabit," katanya kepada BH.

Awaluddin berkata, MDSB memberi tempoh sehingga Jun ini kepada penjaja terbabit berpindah ke lokasi dicadangkan MDSB bagi mengelakkan mereka dikenakan tindakan.

"Jika mereka masih berdegil, kita tidak teragak-agak memberi notis amaran dan tindakan kompaun," katanya.

+ Awaluddin berkata, MDSB mengambil beberapa langkah membantu penjaja antaranya mengarahkan mereka berpindah ke kawasan tapak kediaman dan memohon lesen perniagaan daripada MDSB.

"Jika tiada tanah, mereka boleh menyewa tapak milik individu berdekatan lokasi perniagaan dan mestilah tidak beroperasi di atas rizab jalan dan parit itu," katanya.